

## Memerangi Penyeludupan Manusia Sebagai Satu Bahagian Penting dalam Dasar Luar A.S.

A.S. berharap dapat memupuk lebih banyak kerjasama kerajaan-swasta untuk memerangi perhambaan



Imigran terpinggir seperti buruh Burma di Thailand menjadi tumpuan mangsa perdagangan.

Oleh Jane Morse  
Penulis Staf

Washington – Pentadbiran Obama melihat perjuangan menentang perdagangan manusia, di dalam dan luar negara sebagai satu bahagian penting dalam agenda dasar luar A.S, kata Setiausaha Negara Hillary Rodham Clinton.

Dalam majlis pada 16 Jun sempena penerbitan tahunan [Laporan Penyeludupan Manusia kesembilan](#), Clinton menekankan keperluan bagi kerjasama pihak kerajaan dan swasta dalam memerangi kejelikan perhambaan zaman moden.

“Jaringan jenayah yang memperhambakan jutaan manusia merentasi sempadan dan benua,” jelas Clinton, “jadi tindak balas kita juga sama.”

“Kami komited untuk bekerjasama dengan semua negara,” katanya.

Perdagangan manusia dikutuk oleh Presiden Obama sebagai “merendahkan nilai kemanusiaan sejagat.” Mengikut Pertubuhan Buruh Antarabangsa, agensi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang menyelia piawai buruh dan isu perlindungan sosial, sekurang-kurangnya 12.3 juta orang dewasa dan kanak-kanak terlibat dalam buruh paksa, buruh terikat atau perhambaan seks komersil.

Perdagangan manusia, kata Clinton, memberi kesan kepada semua negara termasuk Amerika Syarikat. Untuk memerangi masalah ini, kerajaan A.S. membiayai 140 program antiperdagangan di hampir 70 buah negara, serta pasukan petugas dalam negeri untuk menangani masalah di sempadan Amerika Syarikat.

AMERIKA SYARIKAT DIMASUKKAN PADA TAHUN 2010

Jabatan Negara A.S. dikehendaki oleh undang-undang untuk memberi laporan setiap tahun kepada Kongres tentang usaha kerajaan asing menghapuskan bentuk paling teruk perdagangan manusia. Pada tahun ini, laporan komprehensif tersebut menilai 175 negara. Negara-negara akan dinilai berdasarkan piawai yang ditetapkan oleh Akta Perlindungan Mangsa Perdagangan 2000 (*Trafficking Victims Protection Act of 2000* atau TVPA).

Negara-negara yang tidak melakukan usaha ketara bagi mematuhi piawai minimum mendapat penarafan Tingkat 3. Penilaian tersebut boleh menyebabkan Amerika Syarikat menahan bantuan luar yang bukan kemanusiaan, dan bukan perdagangan. Tujuh belas negara dalam senarai Tingkat 3 tahun ini termasuk Burma, Cuba, Iran, Syria dan Korea Utara.

“Senarai Pemerhatian Tingkat 2” dikhaskan untuk negara-negara yang pemerintahnya tidak mematuhi piawai minimum TVPA tetapi melakukan usaha ketara ke arahnya. Negara di dalam Senarai Pemerhatian juga mempunyai mangsa perdagangan yang ramai atau jumlah tersebut meningkat dengan ketara tanpa usaha mencukupi kerajaan untuk menangani masalah tersebut. Pindaan terkini dalam undang-undang A.S. menetapkan negara yang kekal dalam Senarai Pemerhatian Tingkat 2 bagi dua tahun berturut-turut secara automatik diturunkan taraf kepada Tingkat 3.

Clinton menekankan bahawa laporan Penyeludupan Manusia tahunan “bukan petunjuk keburukan untuk kegagalan lampau tetapi panduan untuk kemajuan masa depan.”

“Dengan laporan ini, kami berharap dapat membongkar skop dan skala perhambaan moden, agar semua kerajaan boleh melihat kemajuan yang sudah dicapai dan mana lagi yang perlu diperbaiki,” kata Clinton.

Setiausaha Negara juga mengumumkan Jabatan Negara akan menarafkan Amerika Syarikat dalam laporannya yang akan dikeluarkan tahun depan, walaupun Jabatan Keadilan A.S. mengeluarkan satu laporan tahunan yang menumpukan khusus kepada masalah perdagangan manusia yang wujud di dalam Amerika Syarikat.

“Saya percaya apabila kamu membongkar, kamu perlu membongkar semua orang,” dia berkata.

## LEBIH RAMAI TERDEDAH KERANA MASALAH EKONOMI

Mengikut laporan tahun ini, yang merangkumi bulan April 2008 hingga Mac 2009, krisis kewangan global “telah menambah kemungkinan peningkatan perdagangan manusia di seluruh dunia.”

“Akibat daripada krisis,” menurut laporan tersebut, “dua trend serentak – penyusutan permintaan dunia bagi buruh dan peningkatan bekalan pekerja yang sanggup mengambil risiko lebih besar bagi peluang ekonomi – menjadi resepi bagi peningkatan kes buruh paksa bagi pekerja asing dan wanita di dalam pelacuran.”

Krisis kewangan juga telah membebaskan negara penderma dan dermawan, yang menjejaskan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan yang melindungi dan memulihkan mangsa aktiviti perdagangan, menurut Duta Luis CdeBaca, pengarah Pejabat bagi Memantau dan Memerangi Perdagangan Manusia di Jabatan Negara.

Walaupun majoriti negara-negara di dunia sekarang mempunyai undang-undang jenayah yang mengharamkan segala bentuk perdagangan manusia, Laporan Penyeludupan Manusia tahun ini, bersama-sama dengan tinjauan terkini Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, mendapati kebanyakan negara belum lagi mensabitkan sebarang kes di bawah undang-undang perdagangan manusia mereka, dan hanya sedikit kes perdagangan pekerja sedang didakwa.

CdeBaca, yang juga seorang pendakwa persekutuan yang sudah bekerja dalam banyak kes perdagangan manusia, menarik perhatian bahawa Pejabat PBB bagi Dadah dan Jenayah baru-baru ini mengeluarkan laporannya sendiri tentang perdagangan manusia global dan mendapati setiap dua daripada lima negara belum lagi mensabitkan seorang penyeludup manusia. “Pendakwaan boleh jadi alatan tumpul, tetapi ia penting” dalam mengekang penyeludup, katanya.

## MENGHARGAI HERO

Selain daripada senator-senator A.S. dan anggota-anggota Perwakilan, dua aktivis antiperdagangan manusia hadir di dalam majlis Jabatan Negara pada 16 Jun: Mariliana Morales dari Costa Rica dan Vera Lesko dari Albania. Berrios mengasaskan yayasan pemulihan pada tahun 1997 untuk menolong mangsa perdagangan membina hidup baru dengan keluarga mereka. Lesko menggadaikan nyawanya untuk menyediakan tempat perlindungan kepada mangsa yang diselamatkan.

Kedua-dua wanita adalah di antara sembilan individu di seluruh dunia yang diberi penghormatan oleh Jabatan Negara sebagai hero dalam perjuangan memerangi perdagangan manusia. Tujuh yang lain adalah: Benjamin Perrin dari Kanada; George Vanikiotis dari Greece; Sunitha Krishnan dari India; Elly Anita dari Indonesia; Aida Abu Ras dari Jordan; Alice Nah dari Malaysia; dan Inacio Sebastiao Mussanhane dari Mozambique.